



Pelaburan keselamatan tingkat prestasi pelabuhan

Oleh Prof Madya Dr Mohd Azril Ismail
bhrencana@bh.com.my

Dalam usaha menempatkan Malaysia sebagai hab logistik utama di rantau Asia Tenggara, pelabuhan negara ini memainkan peranan penting dan amat kritikal. Pelabuhan utama seperti Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas tidak hanya menjadi pintu masuk utama perdagangan antarabangsa tetapi menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Namun begitu, di sebalik kemajuan dan pencapaian diperoleh, terdapat beberapa cabaran besar perlu ditangani, iaitu isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH). Pelabuhan adalah kawasan yang sangat dinamik dan kompleks yang mana

aktiviti pengendalian kargo, penggunaan mesin berat dan interaksi manusia berlaku secara serentak.

Sifat kerja membabitkan aktiviti pemunggahan kargo, penggunaan kren besar dan navigasi kawasan pelantar yang sibuk mencipta suasana sangat berisiko tinggi boleh membawa kesan jangka panjang kepada kesihatan pekerja di sektor pelabuhan. Dalam usaha menambah baik aspek OSH, perbandingan dengan pelabuhan terkemuka dunia boleh memberikan kita panduan berguna.

Sebagai contoh, Pelabuhan Rotterdam di Belanda

dan Pelabuhan Singapura terkenal dengan tahap keselamatan tinggi. Pelabuhan Rotterdam melaksanakan automasi secara meluas dalam operasi mereka, bukan sahaja meningkatkan kecekapan tetapi mengurangkan keperluan tenaga kerja manual, seterusnya mengurangkan risiko berlaku kemalangan.

Kekangan sumber antara cabaran utama

Pelabuhan di Malaysia menghadapi beberapa cabaran utama dalam melaksanakan amalan OSH berkesan. Kekangan sumber adalah antara cabaran utama, terutama bagi pelabuhan lebih kecil.

Tanpa sumber kewangan mencukupi, sukar untuk melaksanakan program OSH komprehensif. Ini termasuk peralatan keselamatan penting, program latihan dan aktiviti pemantauan kesihatan.

Beberapa pelabuhan mungkin menggunakan teknologi canggih, sementara yang lain masih bergantung kepada teknologi lama dan usang yang tidak memberikan perlindungan mencukupi. Selain itu, budaya OSH yang lemah di beberapa pelabuhan turut menyumbang kepada peningkatan jumlah kemalangan.

Untuk mengatasi cabaran ini dan meningkatkan prestasi keselamatan, pelabuhan di Malaysia perlu mengambil pendekatan lebih holistik dan proaktif. Latihan OSH komprehensif dan berterusan adalah kunci utama.

Program latihan perlu disesuaikan dengan risiko

spesifik dihadapi pekerja pelabuhan dan dikemas kini secara berkala untuk memastikan protokol OSH dipatuhi. Penilaian risiko secara berkala juga penting untuk mengenal pasti potensi bahaya dan melaksanakan langkah kawalan sesuai.

Pihak pengendali pelabuhan juga perlu melabur dalam teknologi keselamatan terkini. Sistem pemantauan automatik, sebagai contoh, boleh membantu mengenal pasti potensi bahaya dengan segera dan membolehkan campur tangan segera untuk mencegah kemalangan.

Dalam konteks ini, pihak pengurusan pelabuhan dan pihak berkuasa memainkan peranan kritikal. Mereka perlu menunjukkan komitmen tegas terhadap aspek OSH serta memastikan semua pekerja mematuhi protokol keselamatan ditetapkan.

Apa yang penting, aspek OSH dan produktiviti di pelabuhan Malaysia tidak harus dilihat sebagai dua matlamat bertentangan, ia perlu seiring bagi memastikan prestasi optimum.

Dengan pendekatan yang betul, pelabuhan boleh mencapai kedua-duanya secara serentak iaitu persekitaran selamat dan produktiviti cemerlang. Melalui pelaburan dalam teknologi keselamatan, latihan keselamatan berterusan dan pembangunan budaya keselamatan kuat, pelabuhan Malaysia boleh meningkatkan tahap OSH pekerja serta meningkatkan produktiviti dan prestasi secara menyeluruh.



Pensyarah di Pusat
Pengajian Teknologi
dan Logistik, Kolej
Pembinaan,
Universiti Utara
Malaysia